

Banjir landa Pantai Timur

RANTAU PANJANG – Paras air Sungai Golok kini mencecah paras bahaya dengan bacaan 10 meter iaitu melepasi satu meter daripada paras bahaya.

Tinjauan Sinar Harian mendapati, sekurang-kurangnya lapan kampung mula ditenggelami air memabitkan Kampung Siram, Kampung Kelawar, Kampung Jeram Perdah, Kampung Tok Deh, Lubok Gong, Kampung Danga, Kubang Kua dan Kampung Jejawi.

Kawasan ini sering dinaiki air kerana lokasinya yang rendah serta terletak di tepi sepanjang Sungai Golok.

Turut dilaporkan tiga keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan banjir sejak petang, semalam.

Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Kelantan, Mohamad Roslee Mamat berkata, menjelang tengah malam semalam, pekan Rantau Panjang dijangka ditenggelami air.

Menurutnya, peniaga dinasihatkan bersiap sedia kerana banjir yang bakal melanda kawasan itu.

"Penduduk di kawasan rendah dinasihatkan berjaga-jaga dengan sebarang kemungkinan yang berlaku, lebih-lebih lagi menjelang malam jika hujan tisdak menampakkan tanda akan reda.

"Kami menasihatkan penduduk di semua daerah diingatkan supaya berwaspada dan bertindak awal jika keadaan memaksa untuk berpindah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, penduduk di Kampung Tok Deh, Mastura Ibrahim, 37, berkata, air naik di kawasan rumahnya sejak awal pagi semalam.

Menurutnya, ini banjir kali ketiga tahun ini dan kali ini air sungai naik secara mendadak.

"Kita sudah membuat persediaan awal dan selalunya akan berpindah ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Gual Tok Deh.

"Hujan lebat menyebabkan air naik dengan cepat dan kita sudah bersiap



● Pengkalan haram di pekan Rantau Panjang sudah dinaiki air.

sedia sejak awal," katanya.

Di KUANTAN, Seramai 95 mangsa banjir dari Kampung Sungai Karang Darat, di sini yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir sejak semalam sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, semua mereka dibenarkan pulang tengah hari semalam.

"Pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Darat sudah ditutup dan setakat ini, tiada laporan banjir di daerah lain di negeri ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, jalan di Km 18 Jalan Gebeng-Kuantan masih ditenggelami air dan hanya dibuka kepada kenderaan berat.

Di KEMAMAN, Selepas Kampung Teladas, Kemaman dilanda banjir semalam, beberapa rumah di Kampung Cacar, Paka Dungun dinaiki air berikutan hujan lebat yang turun sejak semalam, menyebabkan tujuh keluarga terpaksa dipindahkan petang semalam.

Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Dahlan Mohd Noor berkata, semua 53 mangsa daripada tujuh kelu-

arga itu ditempatkan di Balai Raya Kampung Cacar sementara menanti air surut.

"Kampung berkenaan memang sering dinaiki air apabila hujan lebat kerana terletak di kawasan yang agak rendah," katanya.

Sementara itu, tinjauan di Kampung Teladas, Air Putih, Kemaman mendapati masih ada 20 mangsa daripada empat keluarga ditempatkan di Balai Raya kampung berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kampung Teladas, Razali Mohamad berkata, semua mangsa tidak pulang ke rumah kerana bimbang dinaiki air sekali lagi berikutan hujan yang belum berhenti.

Semalam, 63 daripada 22 keluarga di kampung itu terpaksa dipindahkan setelah Sungai Kemaman yang terletak di kawasan berdekatan dinaiki air hampir 15 meter pada 11 malam.

Penduduk terputus hubungan buat sementara apabila Jambatan Teladas yang menjadi laluan utama ke Bandar Chukai, turut ditenggelami air.

Bagaimanapun, keadaan air sungai itu kembali surut dan dilaporkan berada pada paras sembilan meter petang semalam.